

04/04/2003

Perhimpunan Agung Umno diadakan 18 hingga 20 Jun

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Agung Umno akan diadakan pada 18 hingga 20 Jun ini, sehari lebih awal daripada perancangan asal, kata Setiausaha Kerja Umno, Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata perkara itu diputuskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Umno yang dipengerusikan Pemangku Presiden parti, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, petang kelmarin.

"Jawatankuasa itu juga menetapkan 11 Mei ini sebagai tarikh sambutan ulang tahun ke-57 Umno yang akan diadakan di Stadium Merdeka.

"Perhimpunan kali ini dijangka menghimpunkan ahli Umno paling ramai iaitu kira-kira 40,000 orang berbanding kira-kira 20,000 ahli tahun lalu,"

katanya kepada pemberita di pejabatnya, semalam.

Datuk Tengku Adnan berkata, mesyuarat khas Majlis Tertinggi (MT) menjelang perhimpunan agung parti, akan diadakan pada petang 17 Jun dan dipengerusikan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pada jam 8 malam hari yang sama, akan berlangsung majlis perasmian serentak perhimpunan agung Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri Umno, yang akan disempurnakan oleh Abdullah.

"Pada pagi 18 Jun pula, ketiga-tiga pergerakan itu akan mengadakan mesyuarat. Ketua ketiga-tiga pergerakan itu akan menyampaikan ucapan selamat sebelum memulakan mesyuarat," katanya.

Tengku Adnan berkata, pada malam 18 Jun, MT akan bermesyuarat untuk mendapatkan laporan daripada ketiga-tiga pergerakan itu mengenai perjalanan mesyuarat masing-masing.

Katanya, pada 19 Jun pula, perasmian Perhimpunan Agung Umno akan diadakan dan Presiden parti akan menyampaikan ucapan dasar.

"Agenda perhimpunan agung kali ini sama seperti biasa, iaitu menyentuh isu ekonomi, sosial, pendidikan dan agama," katanya.

Mengenai mesyuarat cawangan dan bahagian, beliau berkata semua cawangan sudah selesai bermesyuarat, manakala bahagian pula dijangka habis bermesyuarat penghujung bulan ini.

Perjalanan mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian setakat ini lancar, kata beliau, sambil menambah, tiada pemilihan dibuat di peringkat cawangan, bahagian dan perhimpunan kali ini, berikutan keputusan pucuk pimpinan Umno menunda pemilihan selama 18 bulan daripada tarikh perhimpunan Jun ini.